

23 FEB 1999

Mahathir-Islam

HAYATI AJARAN ISLAM DAN BERSATU UNTUK MAJU, SERU DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu menghayati dan mematuhi ajaran Islam dan meningkatkan perpaduan untuk mencapai kemajuan.

Perdana Menteri berkata dakwah yang berkesan ialah dengan menunjukkan teladan yang baik yang membuktikan keadilan dan kecekapan pemerintahan.

"Malaysia berpandukan kepada ajaran Islam," katanya pada perjumpaan dengan editor-editor akhbar dari Asia Barat di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh para editor itu yang ingin tahu mengenai rahsia di sebalik kejayaan Malaysia yang mereka anggap sebagai negara Islam contoh yang dibanggai oleh umat Islam seluruh dunia.

"Kita ingin buktikan bahawa orang Islam juga mampu mentadbir negara yang rakyatnya berbilang agama, ditadbir dengan adil sehingga wujud kemajuan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengiktiraf agama yang berbeza dan penganut agama masing-masing boleh mengamalkan anutan mereka dan ini sesuai dengan ciri-ciri masyarakat majmuk Malaysia itu sendiri.

Katanya, sesama umat Islam sendiri juga hendaklah jangan bermusuhan walaupun terdapat perbezaan di antara mereka.

"Kita harus menganggap sesama kita sebagai saudara, kurangkan politik dan memberi tumpuan kepada pembangunan," katanya, yang mengakui sedih dengan beberapa perkembangan semasa seperti pertikaian mazhab di negara-negara Islam.

Para editor itu, yang berbahasa Arab dan diterjemahkan oleh seorang jurubahasa, bertanya Dr Mahathir mengenai pengalaman Malaysia untuk dikongsi dan dijadikan teladan oleh negara-negara Islam lain bagi memupuk keunikan hidup harmoni rakyatnya.

Mengenai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Perdana Menteri berkata ia sebuah organisasi yang baik, "tetapi oleh kerana kita tidak berpegang teguh kepada semangat Islam, ia tidak dapat berfungsi dengan baik...Jika kita tidak bersepakat kita menjadi lemah."

Katanya, negara-negara Islam mempunyai anugerah Tuhan yang paling berharga iaitu minyak tetapi kerana tidak ada kesatuan antara negara-negara Islam maka satu langkah semudah "menutup" paip minyak itu pun sukar dilakukan untuk dijadikan senjata berkesan.

-- BERNAMA

MNY AKD